

Fountain of KNOWLEDGE

ISSN No. 1675-1183

Volume
56

JANUARY - MARCH 2013

Pustaka Negeri Sarawak-Pustaka Miri-State Record Repository

 pustaka.sarawak

 pustakaswk



PUSTAKA ANJUR BENGKEL "BASKERS" 04

PROGRAM JELAJAH U-PUSTAKA DI PD TAMAN SRI MUHIBBAH 07

DOWN THE MEMORY LANE WITH ANTIQUE EXHIBITION ON GRAMOPHONES 05

BENGKEL KEMAHIRAN SENI : SIMEN FERRO 05

MESSAGE FROM THE CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Assalamualaikum w.b.t.

Pada 21 Mac 2013 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Mini Konvensyen KIK 2013. Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniannya majlis konvensyen tersebut telah dapat dijalankan dengan jayanya. Penganjuran konvensyen ini secara tidak langsung telah menggalakkan percambahan idea-idea kreatif dan inovatif khususnya dalam kalangan komuniti perpustakaan.

Selaku penganjur pada tahun ini, saya berasa amat gembira dengan sambutan dan penyertaan dari perpustakaan-perpustakaan awam di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan juga warga Pustaka Negeri Sarawak yang begitu bersemangat dalam menyiapkan dan membentangkan projek-projek mereka dalam konvensyen ini.

Secara tidak langsung tujuan utama Mini Konvensyen KIK pada tahun ini adalah untuk memupuk dan membangkitkan kesedaran terhadap pembaharuan dalam perkhidmatan menerusi usaha-usaha kreatif dan inovatif telah berjaya mendapat perhatian daripada semua pihak dan telah mencapai matlamatnya.

Seperti yang kita sedia maklum, KIK adalah salah satu kaedah atau mekanisme pengurusan yang sangat berkesan untuk membina modal insan dalam perkhidmatan awam. Justeru ianya akan dapat merealisasikan hasrat untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perpustakaan masing-masing dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Mini Konvensyen KIK pada kali ini dan tahniah kepada semua para pemenang!

Sekian, terima kasih.



Japri Bujang Masli

Pemangku Ketua Pegawai
Eksekutif

Pustaka Negeri Sarawak



EDITORIAL COMMITTEE

ADVISOR

Japri Bujang Masli

EDITOR-IN-CHIEF

Nesly Rebid

COMMITTEE MEMBERS

Alya Faeeqah Haji Hamali

Sofina Tan Sofian Tan

Laurena Aloh

Edison Ricket

Bronny Lawrence Nawe

Norzihan Abdullah

Mohammad Nizam Abang Takip

This Newsletter is published quarterly by



Pustaka Negeri Sarawak

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia

Tel : 6 082 442000

Fax : 6 082 449944

Contact : librarian@sarawak.gov.my

copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak



www.pustaka-sarawak.com

REACHING OUT TO THE PEOPLE IN THE RURAL AREAS THE PUSTAKA WAY

by Susan Apok @ Suzanna Abdullah (susana@sarawak.gov.my)

MIRI...It took six (6) hours using 4WD vehicles and another one and a half hour by 30hp (horse-power) longboat passing through Bakong and Pekan Lapok into the heartland of Borneo.

We slept and ate in the boat while mosquitoes 'feasted' on us. It was like a scene from an adventure movie, but it was actually our journey to Long Sobeng for Pustaka Miri's Outreach program for the people of Long Sobeng, which is situated along Sungai Tinjar in the constituency of Marudġ, located more than 200km south of the urban Miri City.

Sungai Tinjar is a tributary of Sungai Baram, the second longest river in Malaysia, after the famous Sungai Rajang, also in Sarawak. The journey using the 15-foot boat up Sungai Tinjar was rough and we had to watch out for submerged rocks and sudden strong currents.

The Outreach Program from 7th to 9th November 2012 was a collaboration between Pustaka Miri with Majlis Pembangunan Wanita Kawasan (MPWK) Telang Usan and Sarawak River Board.

The library team was led by Librarian Lilian Baun Pulo and she was assisted by Library Assistants Zuwahir Ilias and myself (Suzanna Abdullah). Meanwhile, MPWK Telang Usan was led by Pemanca Elizabeth Deng and joined by her husband Edward Guatee, Peter Deng, Veronica C. Urai and Norwinnie Abdullah from Exco Wanita PBB. Sarawak River Board's officer Jerry Lenggir also joined the team to give support.

We would not have reached the destination if it was not for the help of Cr. Jarau Braim who acted as a guide as he is well-versed on routes around in the Baram territories.

The villagers and the people of Long Sobeng led by village chief Braim Hosen welcomed us with a beautiful 'Lieling' Kenyah performance.

The program started with a movie night for the children of Long Sobeng. They screened 'The Bee Movie' and right after that, there was a lucky draw session when the team informed and encouraged the guests to participate in activities the next day.

In the morning, we proceeded to SK Long Sobeng by walking half a mile from the long house. Some 50 school children age 5-12yrs old together with some twenty staff of SK Long Sobeng participated in the program. It included Information Literacy Skills (ILS) session by Lilian, River Safety and Environment talk by Jerry and I handled Let's Get Creative: 3R Runway Project.

Later in the afternoon, Zuwahir conducted 'Every Child Ready To Read' Workshop for parents, grandparents and young adults in the village and nearby villages.

We had another screening of movie that evening and this time around it was the blockbuster 'Avatar'. It attracted more than 100 participants. The movies selected for screening was to encourage nature conservation and instil love for the environment, particularly amongst the children.

Afterward another lucky draw session, a simple closing ceremony was successfully held.

The Outreach team returned home the next day with sweet memories of being with the wonderful people of Long Sobeng. Thank you and until we meet again.



PUSTAKA ANJUR BENGKEL "BASKERS"



oleh: Muhd. Ali Abdul Wahab (muhamaw@sarawak.gov.my)



MERIAH.. Para remaja tidak ketinggalan untuk turut serta membuat persembahan semasa bengkel di Auditorium Pustaka.

Pada 1 Mac 2013 yang lalu, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah mengadakan bengkel "baskers". Golongan sasaran ialah golongan belia dan masyarakat umum yang meminati muzik akustik dan tren muzik jalanan. Antara objektif bengkel tersebut ialah memperkenalkan muzik "baskers" kepada komuniti terutamanya golongan belia agar dapat dijadikan sesuatu aktiviti yang berfaedah, mempromosikan bahan-bahan perpustakaan yang berkaitan dengan muzik sama ada bercetak mahupun digital selain berkongsi pengalaman dan kemahiran masing-masing dalam bidang muzik.

Jumlah peserta yang hadir ialah seramai 200 orang dan bengkel ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Kuching. Turut hadir juga ialah para peserta yang terdiri daripada kakitangan kerajaan. Bengkel tersebut telah disampaikan oleh En. Mohammad Dadi Rafee yang juga merupakan ketua Kombo RTM Sarawak. Beliau juga turut dibantu oleh En. Sukarno Ishak dan En. Jamaludin Sejili. Bagi memeriahkan majlis, penampilan istimewa oleh kumpulan muzik trio Tuku' Kame turut menghiburkan para jemputan yang hadir. Puan Hayati Hj. Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan turut hadir memberi sokongan kepada bengkel tersebut disamping memberi cenderamata kepada para fasilitator. Oleh kerana sambutan yang menggalakkan, bengkel "baskers" ini akan diadakan lagi pada masa hadapan dan perancangan sedang diatur untuk mengadakan pertandingan "baskers" bagi golongan belia.

CERAMAH KEWANGAN ANJURAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK MENDAPAT SAMBUTAN DI LUAR JANGKAAN

oleh: Sharifah Seria Wan Razali (shariswr@sarawak.gov.my)

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan ceramah kewangan pada 29 Januari 2013 bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Ceramah yang bertajuk "Pengurusan Kewangan Peribadi" telah mendapat sambutan di luar jangkaan apabila ceramah tersebut di hadiri lebih dari 380 orang jemputan yang terdiri daripada kakitangan awam dan swasta juga para suri rumah dan pelajar. Sesi ceramah ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan Encik Mohamad Hasan merupakan seorang Kredit Kaunselor di Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Wilayah Sarawak.

Melalui sesi ceramah ini, para jemputan telah didedahkan dengan teknik yang tepat bagi menguruskan kewangan peribadi seseorang individu. Selain itu juga, beliau turut memberi nasihat untuk menguruskan hutang bagi individu yang mempunyai hutang yang berpunca dari penggunaan kad kredit melebihi had. Sesi ceramah ini amat bermanfaat apabila beliau turut menceritakan kesilapan-kesilapan yang sering dilakukan oleh seseorang individu berdasarkan pengalaman beliau yang berkhidmat sebagai kredit kaunselor. Beliau juga turut menekankan mengenai teknik pengiraan yang terbaik untuk seseorang yang berniat untuk membuat pinjaman bank bagi mengelakkan diri membuat peminjaman melebihi kemampuan untuk membayar balik pinjaman yang telah dibuat..

Bukan hanya ceramah kewangan ini sahaja, Pustaka Negeri Sarawak akan sentiasa menggiatkan pelbagai aktiviti untuk semua peringkat umur tidak kira bangsa dan agama. Malah Pustaka Negeri Sarawak mensasarkan lebih banyak orang ramai yang berminat untuk mengikuti program-program anjuran Pustaka Negeri Sarawak pada masa akan datang. Untuk mengetahui program-program anjuran Pustaka Negeri Sarawak akan datang, orang ramai boleh melayari laman web rasmi www.pustaka-sarawak.com.



SAMBUTAN MENGGALAKKAN. Lebih dari 380 orang peserta yang hadir ke ceramah kewangan di Auditorium Pustaka.



BENKEL KEMAHIRAN SENI: SIMEN FERRO

oleh : Masni Abdullah (masniu@sarawak.gov.my)

MIRI...Seramai 25 orang peserta telah mengikuti Bengkel Kemahiran Seni: Simen Ferro yang telah diadakan pada 23 Februari 2013. Bengkel ini merupakan salah satu aktiviti anjuran Unit Perkhidmatan Maklumat Pustaka Miri bagi tujuan perkongsian ilmu dan kemahiran. Dua orang fasilitator dari Penjara Pusat Miri iaitu Sarjan Mejar Jaimin bin Gasing dan Warden Eliza Anak Monday telah mengendalikan bengkel yang berlangsung sehari suntuk tersebut. Peserta-peserta merupakan ahli-ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dari pelbagai kawasan di Bandaraya Miri. Para peserta telah diberikan pendedahan serta mencuba sendiri cara menggunakan teknik simen ferro untuk membuat hiasan laman atau lanskap iaitu kerusi, meja dan pasu bunga. Bahan-bahan yang digunakan termasuk simen, pasir, wayar dawai serta pelbagai jenis dan warna cat. Kemahiran simen ferro ini bukan sahaja boleh digunakan untuk menghasilkan hiasan laman rumah sendiri malahan boleh dijadikan sumber pendapatan.

**BELAJAR DARI
PAKAR...**
Pustakawan
Lilian Baun Pulo
sedang
menerima tunjuk
ajar daripada
SM Jaimin
tentang cara
mengecat meja
simen
ferro.



DOWN THE MEMORY LANE WITH ANTIQUE EXHIBITION ON GRAMOPHONES

by Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... One of Pustaka Miri's prominent and active Friends of the Library (FOL) – Lucas Johnny held an Antique Exhibition on Gramophones from 4th February until 8th March 2013.

The exhibition featured some fifty (50) Lucas' gramophones, record players and antique radios, most of which are still functional and playable. He started collecting the music playback instruments since 1960s when he bought them from Penang, Malacca, Australia, United Kingdom as well as Sri Lanka.

The exhibition was hoped to give the community in and around Miri City the opportunity to have a closer look at these antiquities, particularly the younger generation who may not have seen such beautiful-looking music players.

Visitors to the exhibition were able to meet with the owner who was more than pleased to share stories and experiences in collecting the rare entertainment items as well as playing some oldies from his collection of vinyl records.

Lucas will hold several more exhibitions at Pustaka Miri including the record attempt to have the longest philately exhibition in May 2013.



Hari Bersama Pelanggan bersempena "The Borneo Post International Education Fair 2013" di Borneo Convention Centre Kuching

oleh : Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)

Pada 9-10 Mac 2013, Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan bersempena dengan "The Borneo Post International Education Fair 2013" di Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak. Seramai 85 orang telah mendaftar sebagai ahli Pustaka Negeri Sarawak. Selain mempamerkan perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di Pustaka Negeri Sarawak seperti u-Pustaka, Kesedaran Bahan-bahan Terbitan, Rekod, Arkib dan "Online Database", turut diadakan jualan CD dan Buku Siri Sarawakiana. Orang awam yang datang turut berpeluang menjawab kuiz dan membawa pulang cenderahati menarik dan eksklusif dari Pustaka. Ternyata ramai pelajar dan orang awam yang berminat datang ke tapak pameran Pustaka untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak.

PERTANDINGAN BERCERITA SIRAH NABI 1434H

oleh Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

BERBAKAT... Johan Kategori Lelaki-adik Razin Sabiq berjaya memikat hati juri dengan cara bercerita beliau yang bersahaja



MIRI...Bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1434H/2013M, Pustaka Miri telah menganjurkan Pertandingan Bercerita Sirah Nabi pada 5 Februari 2013.

Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah telah menyertai pertandingan tersebut.

Objektif aktiviti tersebut adalah bagi menimbulkan kesedaran dan rasa cinta kepada Rasulullah S.A.W di samping menggalakkan peserta membaca berkenaan kisah rasul junjungan.

Pertandingan telah dibahagikan kepada dua (2) kategori – Kategori Pelajar Lelaki dan Kategori Pelajar Perempuan. Senarai pemenang adalah seperti berikut:

Kategori Pelajar Lelaki:

Johan: Razin Sabiq B. Muhamad Fariz

Naib Johan: Muzhafar Azri B. Ali

Ketiga: Adam Harmaein B. Mohd Hilmi

Kategori Pelajar Perempuan:

Johan: Syahzanani Zawanah Bt. Abdul Taip

Naib Johan: Aisya Harmaeni Bt. Mohd. Hilmi

Ketiga: Khairunisa Bt. Sudirman

Penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pustakawan Lilian Baun Pulo.

YBhg Dato' Raslin Abu Bakar memulakan pembentangan dari aspek Skim Perkhidmatan Sosial (Pustakawan)



KOLOKIUUM PUSTAKAWAN SARAWAK 2012

oleh Wan Mazli Bin Wan Razali (mazli@sarawak.gov.my)

Bertemakan "Develop, promote, and support library, library professional and institutions in the Knowledge & Information Era" PPM Kumpulan Sarawak telah berkolaborasi dengan Pustaka Negeri Sarawak untuk menjayakan Program Kolokium Pustakawan Sarawak 2012 yang julung kalinya diadakan bagi membincangkan perspektif kerjaya kepustakawanan dari tiga aspek penting iaitu Skim Perkhidmatan, Persatuan dan Kerjaya Pustakawan di Sarawak.

Diadakan pada 19 April 2012, objektif kolokium iaitu "untuk meningkatkan pemahaman dan mempromosikan profesion maklumat dan perpustakaan di Sarawak" telah menarik minat peserta untuk turut sama menyumbang idea dan mengutarakan masalah kerjaya pustakawan dan maklumat di negeri ini melalui sesi dialog bersama panel yang diadakan selama satu setengah jam. Tajuk-tajuk yang dibentangkan oleh panel-panel jemputan seperti Aspek Skim Perkhidmatan Sosial (Pustakawan) oleh YBhg Dato' Raslin Abu Bakar, pembentangan oleh YBhg Prof. Madya Dr. Mohd Sharif Mohd Saad bertajuk Aspek Persatuan & Kerjaya Kepustakawanan dan Kerjaya Pustakawan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak oleh Encik Japri Bujang Masli telah menarik minat peserta untuk mengikuti sesi kolokium ini sehingga ke akhir sesi.

Sesi dialog yang berkisarkan kepada ketiga-tiga pembentangan tersebut cukup mendapat sambutan yang memberangsangkan dari para peserta dengan maklumbalas yang cukup aktif. Program setengah hari ini telah dihadiri oleh seramai 53 peserta yang terdiri daripada pustakawan dari sektor perpustakaan awam, perpustakaan akademik dan perpustakaan khusus di Kuching.



Kupasan Isu Utama

Isu-isu penting dialog yang dirakamkan adalah berasas dan merujuk kepada kepentingan profesion Pustakawan antaranya adalah:-

1. Membuat tanda aras terhadap perpustakaan-perpustakaan awam dan akademik yang mendepani dari aspek pemberian perkhidmatan yang bermutu dengan penerapan ICT dan kemahiran Pustakawan.
2. Rangka Pelan Strategik PNM adalah sebagai panduan dan halatuju dalam melaksanakan program dan aktiviti serta memberi ruang kepada perpustakaan-perpustakaan di Malaysia untuk bekerjasama dengan PNM bagi memperkasakan pembangunan perpustakaan secara menyeluruh. Aspek kerjasama pembangunan yang boleh diperolehi dari PNM adalah seperti khidmat nasihat, pemantapan infrastruktur berasaskan ICT, pembangunan polisi yang menyeluruh dan eksklusif serta pembangunan sumber manusia terancang.
3. Mempertahankan agar skim Pustakawan mengetahui perkhidmatan perpustakaan di negara ini dengan memperkukuhkan profesionalisma bidang kepustakawanan.
4. Penglibatan dalam Persatuan Pustakawan Malaysia boleh memperluaskan rangkaian kerjasama profesional serta mempertingkatkan profesionalisma Pustakawan.

Kesimpulannya, kepentingan pustakawan dan perpustakaan dapat dikupas dengan baik oleh ketiga-tiga panel dengan fakta-fakta semasa dari dalam dan luar negara. Diharap isu-isu umum bidang kepustakawanan seperti dikupas dari kolokium ini akan dapat memperjelaskan kepada semua Pustakawan di Sarawak khususnya dan Malaysia amnya untuk terus bersama-sama dan sentiasa mempertingkatkan profesionalisma Pustakawan di Malaysia.



oleh : Vincent Jinap (vincenj1@sarawak.gov.my)

MINI KONVENSYEN KIK PUSTAKA NEGERI SARAWAK 2013

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan Mini Konvensyen KIK 2013 pada 21 Mac 2013 yang berlangsung di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Sebanyak 6 buah kumpulan KIK telah turut serta dalam pembentangan projek-projek mereka. Kumpulan-kumpulan KIK adalah terdiri dari kumpulan Infowave (Perpustakaan DBKU), Read II (Perpustakaan Majlis Daerah Dalat dan Mukah), manakala I-Force, White Hornbill, Dot.Com dan Revolusi kesemuanya dari Pustaka Negeri Sarawak.

Seramai hampir 200 tetamu jemputan telah hadir untuk menyaksikan mini konvensyen pada kali ini yang melibatkan pemerhati dari perpustakaan-perpustakaan majlis-majlis daerah dan PBT seluruh Sarawak. Dua orang panel penilai dari Jabatan Ketua Menteri (JKM) dan MAMPU telah dijemput untuk mengadili pembentangan kumpulan-kumpulan KIK yang bertanding. Pelbagai aktiviti sampingan juga turut diadakan seperti cabutan bertuah dan sesi perkongsian ilmu daripada kumpulan-kumpulan KIK yang telah bertanding di peringkat zon Negeri Sarawak pada tahun 2012.

Tempat pertama Mini Konvensyen 2013 telah dimenangi oleh Kumpulan Revolusi Mereka berjaya merangkul piala dan wang tunai sebanyak RM800.00, manakala tempat kedua jatuh kepada Kumpulan Infowave yang berjaya memenangi piala dan wang tunai sebanyak RM500.00. Tempat ketiga pula dimenangi oleh Kumpulan White Hornbill. Mereka telah membawa pulang piala dan wang tunai sebanyak RM300.00. Kumpulan Infowave turut memenangi persembahan kumpulan terbaik dengan mendapat sebuah hamper. Kumpulan yang memenangi tempat pertama dalam Mini Konvensyen ini akan mewakili negeri Sarawak ke Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia yang akan diadakan pada tahun hadapan di Pulau Pinang.

Program Jelajah u-Pustaka di Perpustakaan Desa Taman Sri Muhibbah

oleh : Sharifah Seria Wan Razali (sharishwr@sarawak.gov.my)



Program Jelajah u-Pustaka telah diadakan di Perpustakaan Desa Taman Sri Muhibbah pada 1 Mac 2013. Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program jelajah tersebut diadakan adalah taklimat perkhidmatan Pustaka & u-Pustaka untuk pelajar dan pendidik, sesi bercerita dan aktiviti bersama kanak-kanak tadika dan juga sesi "Born to Read" untuk ibu bapa dan pendidik. Seramai 60 orang peserta telah mengikuti semua aktiviti yang diadakan. Kesemua aktiviti ini adalah bersesuaian dengan setiap peringkat usia masyarakat dan ianya bertujuan untuk mendidik mereka untuk mencintai ilmu disamping berkongsi pengetahuan kepada masyarakat tidak kira di mana jua mereka berada.

OUTREACH TO LONG SAN, BARAM by : Sofina Tan (sofina@sarawak.gov.my)

MIRI... From 26th to 28th February 2013, the Pustaka Miri's Offsite Team was joined by Miri Local Agenda 21 (LA21) – River Pollution Control Working Committee for the **Outreach Program to Long San, Baram.**

Pustaka Miri's Offsite Team was led by librarian Lilian Baun Pulo. The program reached out to some 800 students, teachers and villagers of Long San with activities including Information Literacy Skills and 'Born To Read' sessions as well as environmental talks and children activities.

The environmental talks include 'Green Initiatives' (Amalan Hijau) by Natural Resources and Environment Board (NREB), 'River Safety' by the Sarawak Rivers Board and 'Aedes and Dengue' by Miri City Council/ Miri LA21.

The schools involved were SMK Temenggong Datuk Lawai Jau and SK St Pius. During the program, nearly 100 new members of Pustaka were registered.



PERKAMPUNGAN BOMBA, JALAN MATANG BARU DAPAT PERPUSTAKAAN MINI



oleh : Wan Mazli Bin Wan Razali (mazliir@sarawak.gov.my)

Khamis, 24 Januari 2013 - Seramai 27 siswa-siswi dan pensyarah UiTM Kampus Sarawak dan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak telah bekerjasama untuk merealisasikan impian penduduk di Perkampungan Bomba, Jalan Matang Baru, Petra Jaya dengan mengadakan Perpustakaan Mini di Surau al-Baqiatius Solihat. Program "Path to Wisdom" yang merupakan projek keperluan kursus pelajar tahun akhir Diploma Pengajian Maklumat. Rasional projek ini diadakan adalah untuk mewujudkan sebuah pusat sumber maklumat yang bermanfaat bagi kemudahan penduduk setempat. Selain program seumpama ini diharap dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang pentingnya penguasaan ilmu pengetahuan dan celik maklumat dikalangan masyarakat.

Perpustakaan Mini tersebut telah dirasmikan oleh Yang Setia Tuan Abdul Hakim Mohd Jadi, Timbalan Pengarah Bomba Negeri Sarawak.



*Bersemangat...
Siswa-siswi Diploma
Pengajian Maklumat
UiTM Kampus
Sarawak
bersemangat
memulakan tugas.*



*Program ini dimenahkan
dengan pertandingan
mewarna, melaukan
adzan dan membaca
Surah al-Fatihah untuk
anak-anak penghuni
tersebut. Anak-anak
anggota Bomba dan
kawasan perumahan
sekitarnya begitu
bersemangat untuk
mengetengahkan
bakat masing-masing.*



Beliau juga turut sama memeriahkan majlis dengan menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang pertandingan. Harapan agar Perpustakaan Mini ini dimanfaatkan oleh semua penduduk Perkampungan Bomba Jalan Matang Baru tidak mengira usia telah disepakati oleh Timbalan Pengarah Bomba Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak dan Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak serta Encik Fadley Amir, Ketua Projek "Path to Wisdom" dari UiTM Kampus Sarawak didalam ucapan mereka.

Akhir sekali, persetujuan Jabatan Bomba Negeri Sarawak adalah antara punca utama kejayaan projek ini dilaksanakan selain Pustaka Negeri Sarawak dan UiTM Kampus Sarawak yang telah mengatur program ini dengan kesungguhan dan kepakaran untuk menubuhkan Perpustakaan Mini ini.

*Tekun... Siswa-siswi
teknik melaksanakan
tugas menyiapkan
Perpustakaan Mini.
Kerjasama dari
Penghuni kuarters
Bomba telah
memudahkan
pelaksanaan tugas.*



Objektif program iaitu memberi kesedaran kepada masyarakat umum mengenai kepentingan ilmu serta memupuk minat membaca di kalangan masyarakat ini telah berjaya menarik penglibatan penduduk untuk turut sama menyumbangkan masa dan tenaga membina perpustakaan mini tersebut. Para siswa-siswi Diploma Pengajian Maklumat yang mahir membuat klasifikasi bahan-bahan bacaan telah membantu mengkategorikan bahan-bahan bacaan tersebut untuk memudahkan pencarian.



Perasmian Perpustakaan Mini oleh Yang Setia Tuan Abdul Hakim Mohd Jadi, disaksikan oleh Pem. Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka, Ketua Projek "Path to Wisdom" dan AJK Surau.

SAYA SAYANG PUSTAKA, KE ARAH BANDARAYA BERSIH, INDAH DAN BERBUDAYA

oleh: Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)



Antara pengisian program kempen kebersihan ini adalah aktiviti mencantas dahan dan ranting mati, gotong royong, menggantung poster kempen kebersihan di pokok-pokok sekitar taman, senamrobik serta sesi cabutan bertuah. Tidak ketinggalan golongan kanak-kanak turut berpeluang menyertai aktiviti mewarna. Dengan adanya kempen sebegini diharap dapat memupuk semangat kerjasama dan saling membantu di antara staf Pustaka Negeri Sarawak, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan komuniti setempat.

Pada 16 Februari 2013, Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuching Utara telah mengadakan Kempen Kebersihan Saya Sayang Pustaka, "Ke arah Bandaraya Bersih, Indah dan Berbudaya" Siri 1/2013 bertempat di persekitaran Pustaka Negeri Sarawak. Program kempen kebersihan yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Abdul Wahab Bin Haji Abang Julai, Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) ini di adakan bertujuan untuk menjadikan kawasan Pustaka Negeri Sarawak sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung selain untuk memupuk kesedaran kepada orang awam agar tidak membuang sampah merata-rata di sekitar bandaraya Kuching. Kempen ini juga diharap dapat menyemai rasa tanggungjawab di kalangan orang awam agar meninggalkan tabiat yang boleh menyumbang kepada pencemaran alam sekitar dan meningkatkan rasa cinta kepada amalan kebersihan sekaligus memelihara dan mengekalkan persekitaran yang bersih, indah dan harmoni untuk warisan generasi akan datang. Acara dimulakan dengan menanam 4 unit pokok dari Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Abdul Wahab Bin Haji Abang Julai, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugu, YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen dan Yang Berusaha Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.



LAWATAN PENANDA ARAS 5S DARI INSTITUT PERGURUAN BATU LINTANG, SARAWAK

oleh: Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawak.gov.my)



Seramai 8 orang pegawai dari Institut Perguruan Batu Lintang, Sarawak telah mengadakan lawatan penanda aras 5S ke Pustaka Negeri Sarawak pada 13 Mac yang lalu. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk memberi pendedahan berkenaan aplikasi dan teknik pelaksanaan 5S Pustaka Negeri Sarawak mengikut piawaian MPC. Lawatan ini telah memberi peluang kepada kedua-dua pihak untuk saling bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman. Rombongan lawatan yang diketuai oleh Puan Monica Lau Suan Lake telah dibawa melawat ke Bilik dan Stor Infotek Kanak-kanak, Bilik PABX, Bilik Fotokopi dan simpanan surat khabar dan keseluruhan kawasan rujukan perpustakaan. Sebelum berakhir rombongan telah dibawa melawat ke setiap papan kenyataan Kumpulan-kumpulan mengikut Zon dan Komiti 5S.

Diharap lawatan sebegini, dapat merapatkan lagi hubungan kerjasama di antara Institut Perguruan Batu Lintang dan Pustaka Negeri Sarawak serta dapat memberi manfaat kepada peningkatan kualiti kedua-dua jabatan.



NAMA

Nurindraman Shah Bin Herman Shah

JAWATAN

Pengawal Keselamatan KP11

PENEMPATAN

Unit Pengurusan Bangunan, Sektor Pengurusan Korporat

TARIKH MELAPOR DIRI

1 Mac 2013

Tahniah! Selamat Pengantin Baru



NAMA STAF

Mastijah Mohamed

JAWATAN

Penolong Pegawai Perpustakaan/Sektor
Perkhidmatan Perpustakaan (Pustaka Miri)

NAMA PASANGAN

Mohd. Fahd B. Md. Sahlan

TARIKH PERKAHWINAN

20.12.2012



NAMA STAF

Abdul Afiq Bin Abdul Aziz

JAWATAN

Penolong Pegawai Sistem Maklumat

NAMA PASANGAN

Dayangku Nurul Asyikin bt Awangku Omar

TARIKH PERKAHWINAN

22.3.2013





CONGRATULATIONS

On your new born



NAMA STAF (IBU)
Zuraidah Mat

JAWATAN /SEKTOR
Pembantu Perpustakaan/
Sektor Perkhidmatan
Perpustakaan

NAMA ANAK
Husna Naila Raudhah
Binti Aerwan

TARIKH LAHIR
19 Disember 2012



NAMA STAF (BAPA)
Nur Aiman Nicholas Luyoh

JAWATAN /SEKTOR
Juruteknik/Sektor
Pengurusan Korporat
(Pustaka Miri)

NAMA ANAK
Muhammad Mikhail
Mujahiddin

TARIKH LAHIR
23 Januari 2013



NAMA STAF (BAPA)
John Nyo-em

JAWATAN /SEKTOR
Pembantu Perpustakaan
/Sektor Perkhidmatan
Depositari

NAMA ANAK
Elsa Eyrwen John

TARIKH LAHIR
4 Februari 2013



NAMA STAF (IBU)
Siti Munirah Idris

JAWATAN /SEKTOR
Setiausaha Pejabat/Sektor
Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Adihakim Mizan B.
Kamarulazry

TARIKH LAHIR
16 MAC 2013



NAMA STAF (BAPA)
Mohammad Amirul Aqmal
B. Julani

JAWATAN /SEKTOR
Pengawal Keselamatan/
Sektor Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Qisya Qistina Bt. Mohammad
Amirul Aqmal

TARIKH LAHIR
06 Mac 2013



NAMA STAF (IBU)
Ammie Syarina Mohd Jelani

JAWATAN /SEKTOR
Penolong Pegawai Akauntan /
Sektor Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Dayang Nur Khaisya Qarmelia
Binti Awang Abdul Halim

TARIKH LAHIR
15 Februari 2013



NAMA STAF (BAPA)
Mohamed Ismauli
Bin Abdul Wahab

JAWATAN /SEKTOR
Juruteknik/Sektor
Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Nur Ezzara Qiesha
Bt Mohamed Ismauli

TARIKH LAHIR
20 Februari 2013



NAMA STAF (BAPA)
Mohammad Abdullah
Bin Hamdan

JAWATAN /SEKTOR
Juruteknik/Sektor
Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Muhammad Rabbani
Bin Mohammad Abdullah

TARIKH LAHIR
05 Mac 2013



NAMA STAF (IBU)
Siti Khairunissa Bt Rosli

JAWATAN /SEKTOR
Penolong Pegawai Tadbir/Sektor
Pengurusan Korporat

NAMA ANAK
Shazwan Bin Shahrul

TARIKH LAHIR
7 April 2013



Listing of Visits to PUSTAKA NEGERI SARAWAK

JANUARI 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|----------------------------------|
| 22 | Technology College Sarawak (TCS) |
| 28 | Perpustakaan Sabah |

FEBRUARI 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|---|
| 1 | Pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat (IM110), UiTM Samarahan |
| 18 | Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak |
| | Universiti Padjadjaran, Bandung, Indonesia |

MAC 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|--|
| 6 | Tadika Rhema |
| 14 | Institut Pendidikan Guru, Kampus Tun Razak, Kota Samarahan |



Listing of Visits to PUSTAKA MIRI

JANUARI 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|--------------------|
| 16 | SMK Suai |

FEBRUARI 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|----------------------|
| 26 | Lighthouse Education |

MAC 2013

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|--------|------------------------------------|
| 27 | Lembaga Sungai-sungai Sarawak - 5S |

